



IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Butiran Jawatan

- 1.1 Jawatan : Guru Tabika Perpaduan Gred S29
- 1.2 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.3 Jabatan : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang
- 1.4 Bil.Kekosongan : Enam (6)

2. (a) Gred Gaji : Gred S29

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM1,493.00	RM5,672.00

- (b) Elaun : Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
Bantuan Sara Hidup : RM350.00

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- Warganegara Malaysia
- Keutamaan kepada calon yang tinggal di **Negeri Pulau Pinang**
- Berumur tidak kurang dari **18 tahun pada tarikh tutup iklan**
- Memiliki **DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (DPAKK)** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Calon juga hendaklah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.**

4. Cara memohon :

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan jawatan yang boleh diperolehi **di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang dan Pejabat Perpaduan di Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Timur Laut dan Barat Daya.**
- 4.2 Penolong Guru Tabika Perpaduan yang memenuhi syarat kelayakan seperti di atas dan permohonan perlu melalui Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) masing-masing. Permohonan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), penyata gaji dan salinan buku perkhidmatan yang dikemaskini.
- 4.3 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 4.4 Borang permohonan lengkap hendaklah beserta dengan gambar berukuran passport dan dikepilkan **salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Sijil-Sijil Akademik, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 dan Sijil lain yang berkaitan dan disahkan oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A' atau Gred 41 ke atas** hendaklah dihantar kepada :

**PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI PULAU PINANG
ARAS 5 BANGUNAN PERSEKUTUAN
JALAN ANSON
10400 PULAU PINANG**

No.Telefon : 04-2283344

5. Tarikh Tutup Permohonan : **14 JANUARI 2023**